

SIARAN AKHBAR

S.A. 2026/06/22_17 (HQ)

TNB DAN UNIVERSITI MALAYA METERAI KERJASAMA TENAGA PENYEJUKAN BAGI MEMACU INFRASTRUKTUR KAMPUS LESTARI

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Universiti Malaya (UM) hari ini memeterai Perjanjian Bekalan Tenaga Penyejukan (Cooling Energy Supply Agreement - CESA) bagi memodenkan infrastruktur penyejukan di Wisma R&D UM.

Kerjasama ini menjadi langkah penting dalam menyokong pembangunan kampus yang lebih lestari, juga memperkukuh usaha ke arah kecekapan tenaga dalam sektor pengajian tinggi negara.

Perjanjian ini dilaksanakan melalui anak syarikat milik penuh TNB, TNB Engineering Corporation Sdn. Bhd. (TNEC), yang menyediakan solusi kejuruteraan dan infrastruktur tenaga.

Melalui perjanjian CESA ini, TNEC akan membekalkan tenaga penyejukan kepada Wisma R&D UM daripada loji Sistem Penyejukan Daerah (District Cooling System - DCS) TNEC di Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur.

Bekalan tenaga penyejukan ini akan dilaksanakan di bawah konsesi selama 20 tahun. Projek berkenaan dijangka dapat mengurangkan kos berkaitan penyejukan sebanyak kira-kira 30 peratus, bersamaan penjimatan sekitar RM7.59 juta sepanjang tempoh konsesi.

Tenaga penyejukan daripada loji DCS TNEC ini membolehkan Wisma R&D menikmati sistem yang lebih stabil dan berdaya harap, prestasi tenaga yang lebih baik dan operasi yang lebih cekap berbanding sistem penyejukan konvensional secara berasingan.

Pertukaran dokumen perjanjian berkenaan disempurnakan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad dan Naib Canselor UM, Dato' Seri Profesor Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman.

Majlis tersebut disaksikan oleh Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid, dan Pengerusi UM, Tan Sri Dato' Sri Zarinah Anwar.

Komitmen Bersama Ke Arah Infrastruktur Lestari

Kerjasama ini mencerminkan komitmen bersama TNB dan UM dalam meningkatkan kecekapan operasi, juga menyokong matlamat kelestarian serta penggunaan penyelesaian tenaga yang lebih inovatif.

Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad berkata, kerjasama strategik ini membuktikan keupayaan TNB dalam menyediakan solusi penyejukan yang stabil dan berdaya harap, malah berkesan dari segi kos dan sesuai untuk keperluan infrastruktur moden.

S.A. 2026/06/22_17 (HQ)

“Perjanjian ini menunjukkan peranan sistem penyejukan daerah yang semakin penting sebagai penyelesaian infrastruktur bandar yang cekap.

“Ia membantu mengoptimumkan penggunaan tenaga dan menyokong kelestarian alam sekitar. Kami berharap kerjasama dengan UM ini dapat diperkukuh, sekali gus menyokong aspirasi UM untuk membangunkan ekosistem kampus yang lebih lestari dan bersedia untuk masa depan,” katanya.

Sementara itu, Ir. Dr. Noor Azuan berkata, perjanjian ini merupakan langkah penting dalam usaha UM memodenkan infrastruktur kampus dan memperkukuh agenda kelestariannya. “Kerjasama ini mencerminkan komitmen UM dalam menerima pakai penyelesaian yang inovatif dan lestari.

“Ia bukan sahaja menambah baik persekitaran kampus, malah membantu mengoptimumkan penggunaan sumber. Ini selaras dengan aspirasi UM sebagai universiti penyelidikan terkemuka yang komited terhadap penjagaan alam sekitar dan pembangunan lestari,” katanya.

Mencipta Nilai Jangka Panjang

Wisma R&D dipilih sebagai projek pelaksanaan pertama kerana infrastruktur penyejukannya yang telah beroperasi lebih 25 tahun, kini hampir mencapai penghujung kitaran hayat ekonominya.

Selain manfaat langsung kepada Wisma R&D, perjanjian ini turut membuka ruang kepada inisiatif pengoptimuman tenaga penyejukan pada masa hadapan, termasuk di Kampus Induk UM, pembangunan kampus baru dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

Projek ini mendukung aspirasi kelestarian jangka panjang UM. Ia juga memperkukuh kedudukan UM sebagai institusi penanda aras dalam kecekapan tenaga dan pembangunan kampus lestari.

Bagi TNB, projek ini merupakan suatu pencapaian penting dalam peluasan portfolio solusi tenaga penyejukan. Ia turut memantapkan kerjasama strategik TNB dalam sektor pengajian tinggi.

Inisiatif ini juga memperkukuh komitmen TNB untuk menyediakan penyelesaian infrastruktur yang inovatif dan lestari. Penyelesaian seperti ini dapat mewujudkan nilai jangka panjang buat pelanggan, institusi dan masyarakat.

Pada masa yang sama, projek ini menyokong agenda Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR). Ia menggalakkan penggunaan tenaga yang lebih cekap, mengurangkan impak alam sekitar daripada sistem penyejukan konvensional dan memperluas penggunaan infrastruktur lestari dalam pembangunan institusi serta bandar.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 22 Jun 2026, jam 4:00 petang

TNB

*Untuk pertanyaan media, sila hubungi Hanim Idris 019-261 7617 / Grace Tan 016-662 6229 /
Haikal Jalil 012-227 0161 / Faiq Haikal 013-388 9606
Emel: media@tnb.com.my*

UM

*Mastura Mohamad Yusoff
Ketua, Bahagian Komunikasi Korporat
013-377 3207*

masturayusoff@um.edu.my / corporate@um.edu.my

Mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Tenaga Nasional Berhad (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka Malaysia di Asia dengan portfolio antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam bidang tenaga boleh baharu, TNB mempunyai jumlah portfolio kasar sebanyak 3.3 Gigawatt (GW) di Semenanjung Malaysia, termasuk 2.5GW daripada hidro besar. TNB juga mempunyai portfolio sebanyak 1.3GW di UK, Ireland, Australia dan Turkiye, yang merangkumi terutamanya aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi syarikat penjanaan elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan mengagihkan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Setakat 31 Mac 2026, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

Mengenai Universiti Malaya (UM)

Universiti Malaya (UM) ialah universiti awam tertua dan terkemuka di Malaysia. UM memainkan peranan penting dalam memajukan pembangunan intelektual dan akademik negara sejak Akta Universiti Malaya digubal pada tahun 1961. UM mempunyai ekosistem akademik yang menyeluruh, merangkumi dua akademi, 14 fakulti, dua institut, sebuah pusat akademik dan Pusat Perubatan Universiti Malaya, yang merupakan hospital pengajar tertua dan terbesar di negara ini. UM memacu kecemerlangan merentas pelbagai bidang termasuk perubatan, kejuruteraan, sains, kemanusiaan dan sains sosial. Melalui kluster penyelidikan dan pusat kecemerlangannya, UM terus menggalakkan inovasi, menangani cabaran negara dan global serta memajukan ilmu pada tahap tertinggi. Komitmen ini turut dicerminkan melalui pencapaian terbaik UM dalam QS World University Rankings 2027. UM berada di kedudukan ke-56 dunia, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi bertaraf dunia dan penyumbang utama kepada kepimpinan akademik serta penyelidikan Malaysia.

Mengenai TNB Engineering Corporation Sdn. Bhd. (TNEC)

TNB Engineering Corporation Sdn. Bhd. (TNEC) ialah anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad, yang mengkhusus dalam perkhidmatan kejuruteraan, perolehan, pembinaan, pentauliahan dan penyenggaraan bagi projek tenaga serta infrastruktur. Berbekalkan kepakaran teknikal dan pengalaman industri yang luas, TNEC menyediakan penyelesaian menyeluruh dalam bidang penjanaan kuasa, sistem penyjukan daerah, infrastruktur tenaga dan projek pembangunan lestari, yang menyokong pertumbuhan bandar serta kecekapan operasi jangka panjang.



Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid (dua dari kiri), dan Pengerusi UM, Tan Sri Dato' Sri Zarinah Anwar (dua dari kanan), menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad (kiri), dan Naib Canselor UM, Dato' Seri Profesor Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman (kanan). Perjanjian itu mewujudkan kerjasama jangka panjang bagi infrastruktur penyejukan di Wisma R&D UM melalui pembekalan tenaga penyejukan daripada loji Sistem Penyejukan Daerah atau District Cooling System (DCS) milik TNB Engineering Corporation Sdn. Bhd. (TNEC) di Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur, di bawah perjanjian konsesi selama 20 tahun.



(Dari kiri) Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad; Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid; Pengerusi Universiti Malaya (UM), Tan Sri Dato' Sri Zarinah Anwar; serta Naib Canselor UM, Dato' Seri Profesor Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman meneliti dokumen Perjanjian Bekalan Tenaga Penyejukan (Cooling Energy Supply Agreement, CESA) yang telah dipertukarkan. Perjanjian tersebut mewujudkan kerjasama jangka panjang bagi penyediaan infrastruktur penyejukan di Wisma R&D UM melalui pembekalan tenaga penyejukan daripada loji Sistem Penyejukan Berpusat (District Cooling System, DCS) milik TNB Engineering Corporation Sdn. Bhd. (TNEC) di Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur.



Dari kiri: Pengarah Urusan TNEC, Ahmad Nizam Hassan; Ketua Pengurusan Subsidiari TNB, Ir. Ahmad Jaafar Abdul Hamid; Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad; Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid; Pengerusi UM, Tan Sri Dato' Sri Zarinah Anwar; Naib Canselor UM, Dato' Seri Profesor Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman; Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UM, Profesor Ir. Dr. Ramesh Singh Kuldip Singh; dan Pengarah Eksekutif UM, Ar. Dr. Sharifah Noor Nazim Syed Yahya, ketika majlis pertukaran dokumen Perjanjian Pembekalan Tenaga Penyejukan atau *Cooling Energy Supply Agreement (CESA)* antara TNB Engineering Corporation Sdn. Bhd. (TNEC) dan Universiti Malaya.

Kerjasama ini membuka laluan kepada inisiatif pengoptimuman tenaga penyejukan pada masa depan di seluruh Kampus Induk Universiti Malaya, pembangunan kampus baru dan Pusat Perubatan Universiti Malaya. Selain menyokong aspirasi kelestarian jangka panjang serta matlamat kecekapan tenaga UM, projek ini juga menandakan satu pencapaian penting bagi TNB dalam memperluas portfolio solusi tenaga penyejukan dan memperkukuh kerjasama strategik dalam sektor pengajian tinggi. Inisiatif ini mencerminkan komitmen TNB untuk menyediakan penyelesaian infrastruktur yang inovatif dan lestari, sekali gus mewujudkan nilai jangka panjang kepada institusi, masyarakat dan agenda peralihan tenaga negara.